

CANDIDATE  
NAME


--

CENTRE  
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE  
NUMBER

--	--	--	--



**MALAY**

Paper 2 Reading

**0546/22**

**May/June 2019**

**1 hour**

Candidates answer on the Question Paper.

No Additional Materials are required.

**READ THESE INSTRUCTIONS FIRST**

Write your centre number, candidate number and name in the spaces at the top of this page.

Write in dark blue or black pen.

Do not use staples, paper clips, glue or correction fluid.

DO **NOT** WRITE IN ANY BARCODES.

Answer **all** questions.

The number of marks is given in brackets [ ] at the end of each question or part question.

This document consists of **14** printed pages and **2** blank pages.







## Bahagian 1

## Latihan 1 Soalan 1–5

Baca soalan-soalan berikut. **Tanda** kotak jawapan yang betul.

1 Rajan perlu ..... untuk mengutip buah di taman.

A	<input type="checkbox"/>				
B	<input type="checkbox"/>				
C	<input type="checkbox"/>				
D	<input type="checkbox"/>				





[1]

2 Amanda suka menghidu bunga yang ..... itu.

A	<input type="checkbox"/>	wangi
B	<input type="checkbox"/>	busuk
C	<input type="checkbox"/>	pahit
D	<input type="checkbox"/>	masin

[1]

3 Janice suka berpakaian sebegini pada hari panas.

A	<input type="checkbox"/>				
B	<input type="checkbox"/>				
C	<input type="checkbox"/>				
D	<input type="checkbox"/>				

[1]

4 Pelajar yang ..... dalam pertandingan itu mendapat hadiah.

**A**  gagal

**B**  lambat

**C**  jatuh

**D**  menang

[1]

5 Jehan mesti ..... sebab badannya berpeluh.

**A**  masak

**B**  tidur

**C**  makan







**D**  mandi

[1]

[Total: 5]

### Latihan 2 Soalan 6–10

Lihat gambar-gambar berikut:



Tulis huruf yang betul (A, B, C, D, E atau F) di dalam kotak yang berkaitan.

6 Semasa bercuti di negara sejuk, Ali memakai ini.

7 Maurice menggunakan alat ini untuk mencari jalan ke bandar.

8 Selepas hujan, kadang-kadang saya nampak...

9 Kari ayam ini tawar sebab tidak cukup...

10 John terpaksa pasang alat ini sebab bilik itu panas.

[Total: 5]

### Latihan 3 Soalan 11–15

Berikut ialah e-mel Varni kepada kawannya Melia.

Melia, saya bercadang untuk mengadakan majlis perpisahan untuk Sasha yang akan pulang ke Australia.

Sasha tidak boleh tahu tentang rancangan ini. Bolehkah awak jemput 15 orang kawan kita?

Saya fikir Sasha suka cenderamata dari Malaysia. Apa pendapat awak kalau saya belikan baju batik yang cantik untuk dia?

Kita perlu mengadakan majlis ini pada hari Sabtu sebab dia mesti mengemas barang sepanjang minggu ini sebelum pulang ke Australia. Mereka juga akan melawat kawan baik ibunya pada hari Ahad.

Kita boleh adakan majlis ini di restoran kegemarannya, iaitu Restoran Puteri. Saya akan memesan nasi ayam di restoran itu.

Varni

### Tanda kotak yang betul.

11 Apakah majlis yang dirancang oleh Varni?

**A**  hari jadi

**B**  perkahwinan

**C**  perpisahan

[1]

12 Melia diminta membuat apa?

**A**  memberitahu Sasha

**B**  menjemput kawan-kawan

**C**  membeli hadiah

[1]

13 Apakah yang Varni akan beli untuk Sasha?

**A**  ukiran kayu

**B**  baju batik

**C**  lukisan

[1]

14 Mengapakah majlis mesti diadakan pada hari Sabtu?

**A**  Sasha akan pulang ke Australia pada hari Ahad.

**B**  Sepanjang minggu Sasha akan sibuk mengemas barang.

**C**  Sasha mahu berehat pada hari-hari lain.

[1]

15 Di manakah mereka mungkin adakan majlis perpisahan itu?

**A**  Restoran Puteri

**B**  rumah Varni

**C**  dewan sekolah

[1]

[Total: 5]

## Bahagian 2

## Latihan 1 Soalan 16–20

Baca perbualan berikut.

Pelajar-pelajar Sekolah Sri Pinang sedang berbincang tentang hiburan kegemaran mereka.

“Kami sekeluarga selalu menonton filem lucu. Kalau kami menonton filem seram, kami tidak dapat tidur,” kata Rosman.

“Saya setuju,” kata Raja. “Tetapi saya sekeluarga lebih suka menonton berita dunia supaya kami tahu apa yang berlaku pada hari itu. Kami juga akan berbincang tentang isu-isu semasa.”

“Saya sering menonton filem seram dengan kawan-kawan saya pada hujung minggu. Ada beberapa kawan saya yang memang minat filem seram. Mereka juga akan memilih filem-filem yang terbaharu untuk kami tonton bersama,” kata Chen.

“Bila saya sudah habis kerja sekolah saya, saya akan menonton dokumentari percutian. Saya suka melancong,” kata Muin.

Raihan berkata, “Saya tidak minat menonton televisyen. Saya lebih suka buku.”

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan perkataan Melayu yang sesuai di bawah.

pelancongan	seram	bercakap	televisyen
mengkaji	lawak	sejarah	membaca
	melukis	suka	

- 16 Rosman sekeluarga selalu menonton filem ..... [1]
- 17 Raja suka ..... tentang isu-isu semasa. [1]
- 18 Beberapa orang kawan Chen ..... menonton bersamanya. [1]
- 19 Muin lebih suka dokumentari ..... [1]
- 20 Raihan gemar ..... [1]

[Total: 5]



**Sila buka halaman untuk Latihan 2.**

**Latihan 2 Soalan 21–28**

Baca e-mel Azli kepada pengurus hotel dan jawab soalan-soalan dalam **Bahasa Melayu**.

En Simon,

Saya dan keluarga saya tinggal di Hotel Samudera pada hujung minggu lalu.

Tujuan saya menulis e-mel ini adalah untuk memberitahu tentang pengalaman saya sekeluarga semasa tinggal di situ.

Sebelum kami pergi ke sana, saya telah menulis e-mel untuk menempah sebuah bilik untuk ibu bapa saya dan sebuah lagi untuk saya dan adik saya.

Walaupun bagaimanapun, semasa kami tiba di hotel, saya dan adik saya telah diberi sebuah bilik bujang kerana hotel penuh. Kami terpaksa berkongsi sebuah katil kecil. Tetapi saya masih terpaksa membayar untuk bilik kembar.

Saya harap En Simon dapat menyelesaikan masalah ini. Kami tinggal di sana selama tiga hari.

Semasa kami tinggal di sana, saya dapati layanan yang diberi oleh kakitangan di hotel itu sangat memuaskan. Adik saya hilang begnya yang mengandungi buku-buku sekolahnya. Kakitangan hotel telah berusaha mencarinya sehingga jumpa.

Kami sekeluarga amat berterima kasih kerana dia memerlukan buku-buku itu untuk peperiksaannya.

Ibu bapa saya sangat suka makanan yang dihidang di restoran hotel anda.

Semua jenis makanan ada; timur, barat dan timur tengah. Kami tidak perlu keluar dari hotel untuk mencari makanan. Setiap malam kami makan makanan yang berlainan.

Kami pasti akan kembali untuk percutian tahun hadapan.

Salam daripada kami sekeluarga,

Azli Azman

- 21 Apakah tujuan Azli menulis kepada pengurus Hotel Samudera?  
..... [1]
- 22 Apakah yang berlaku semasa Azli sekeluarga tiba di hotel itu? Beri **dua** jawapan.  
.....  
..... [2]
- 23 Apakah yang Azli harap En Simon boleh buat?  
..... [1]
- 24 Bagaimanakah layanan kakitangan hotel itu?  
..... [1]
- 25 Mengapakah adik Azli perlu buku-bukunya?  
..... [1]
- 26 Apa pendapat ibu bapa Azli tentang makanan di hotel itu? Apakah hidangan di sana?  
.....  
..... [2]
- 27 Di manakah mereka makan setiap malam?  
..... [1]
- 28 Bilakah Azli sekeluarga bercadang untuk kembali ke hotel itu?  
..... [1]

[Total: 10]

**Bahagian 3****Latihan 1 Soalan 29–33****Peluang kerja amal**

Baca laporan ini dengan teliti.

Sekarang ini lebih ramai anak muda yang suka membuat kerja-kerja amal sebagai sukarelawan. Apa saja yang berlaku di dalam atau di luar negara, anak-anak mudalah yang cepat menawarkan diri untuk membantu.

Terlalu banyak kejadian yang berlaku di dunia ini yang memerlukan bantuan. Misalnya, banjir dan kebakaran di dalam negeri.

Mangsa-mangsa banjir dan kebakaran akan sentiasa memerlukan pakaian dan barang-barang keperluan kerana ia akan mengambil masa yang lama untuk digantikan.

Pelarian dari negara-negara yang ada masalah juga memerlukan bantuan.

Ada banyak cara anak-anak muda boleh menolong.

Ada banyak pertubuhan yang memerlukan sukarelawan untuk membuat pelbagai tugas.

Anak-anak muda boleh mendaftarkan diri dan membuat tugas-tugas ini pada masa lapang mereka.

Antara kerja yang boleh dibuat ialah mengumpul pakaian untuk mangsa-mangsa ini. Mereka boleh membuat poster-poster atau hantar e-mel untuk memberitahu apa yang diperlukan; di mana pusat kutipan dan di mana barang-barang boleh ditinggalkan.

Buku-buku sekolah dan peralatan sekolah juga diperlukan. Daripada membiarkan buku-buku lama tidak dibaca, lebih baik beri kepada orang yang memerlukan.

Baru-baru ini, seorang anak muda Malaysia telah diberi pengiktirafan oleh Ratu Elizabeth II dari England kerana usahanya membantu anak-anak pelarian.

Dia telah berusaha dengan kawan-kawannya untuk mengajar anak-anak pelarian ini yang sudah lama tidak bersekolah. Usahanya telah mendapat sambutan dan semakin ramai anak-anak pelarian yang mendapat pendidikan.

Dengan adanya media sosial, kerja-kerja seperti ini mudah mendapat sambutan dan sokongan. Ramai orang yang suka membantu dari segi tenaga ataupun kewangan.

Bagi anak-anak muda yang terlibat dalam kerja-kerja amal ini, ini merupakan satu pengajaran yang baik. Kerja-kerja sebegini membina seseorang itu menjadi manusia yang ingin menolong dan tidak mementingkan diri sendiri.

Jawab soalan-soalan berikut dengan menandakan **BETUL** atau **SALAH**. Jika kenyataan itu **SALAH**, betulkannya berdasarkan teks di atas.

(Terdapat 2 kenyataan yang betul dan 3 kenyataan yang salah)

**Contoh:**

**BETUL**

**SALAH**

Sekarang ini anak muda suka membuat kerja untuk diri sendiri.



.....  
Sekarang ini lebih ramai anak muda yang suka membuat kerja untuk menolong orang lain.

**BETUL**

**SALAH**

**29** Mangsa-mangsa banjir dan kebakaran biasanya mendapat balik barang-barang mereka dengan segera.



**BETUL**

**SALAH**

**30** Anak-anak muda hanya boleh membuat tugas-tugas ini semasa mereka bekerja.



**BETUL**

**SALAH**

**31** Buku-buku yang tidak lagi dibaca merupakan bahan derma yang berguna.



**BETUL**

**SALAH**

**32** Seorang anak muda Malaysia telah mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana usahanya membantu anak-anak pelarian.



**BETUL**

**SALAH**

**33** Dengan media sosial, usaha sebegini kurang mendapat sambutan ramai.



[Total: 8]

**Latihan 2 Soalan 34–39****Rancangan seorang pelajar untuk mencari pekerjaan yang sesuai**

Baca rencana dalam blog Ardi dan jawab soalan-soalan dalam **Bahasa Melayu**.

Saya ialah seorang yang suka merancang sebelum membuat sesuatu. Misalnya semasa kami sekeluarga pindah ke bandar ini, saya telah membuat kajian tentang beberapa buah sekolah di sekitar bandar; yang mana yang mendapat keputusan yang baik setiap tahun, siapakah yang mengajar di situ dan apakah kemudahan yang ada di sekolah-sekolah itu.

Saya minat dalam bidang sains dan saya dapati ada beberapa sekolah di bandar ini yang mempunyai rekod yang baik dalam keputusan mata pelajaran sains mereka.

Sekolah-sekolah ini juga mempunyai guru-guru berkeelayakan tinggi yang mengajar di sana.

Saya telah memilih Sekolah Antarabangsa Sri Setia dan setakat ini saya tidak menyesal.

Sekarang sebelum saya tamat belajar, saya sudah mula membuat kajian tentang arah kerjaya yang saya harus ambil. Sebagai seorang pelajar sains, pasti sekali saya mahu bekerja dalam bidang sains, seperti di hospital, di pusat-pusat penyelidikan ataupun sebagai tenaga pengajar di universiti.

Untuk tujuan itu, saya sudah memilih beberapa buah universiti yang mempunyai kursus perubatan yang baik. Saya ingin menjadi doktor yang merawat barah.

Ini adalah kerana ibu saya juga seorang doktor barah. Dia sangat menyokong usaha saya untuk menjadi seorang doktor. Bapa saya seorang peguam. Dia tidak memaksa saya untuk menjadi peguam sebab dia tahu saya lebih berminat untuk menjadi doktor.

Saya selalu ikut ibu saya ke kliniknya dan saya nampak pesakit-pesakit barah yang menderita kerana penyakit ini. Oleh itu, saya bercita-cita untuk belajar dan membuat penyelidikan yang boleh mencari rawatan atau ubat yang boleh menyembuhkan pesakit-pesakit ini, atau sekurang-kurangnya mencegah atau mengurangkan kesakitan mereka.

Dengan persediaan yang saya ada serta sokongan daripada ibu bapa, saya harap saya dapat mencapai cita-cita yang murni ini.

- 34 Apakah sifat penulis yang terdapat dalam perenggan pertama?  
..... [1]
- 35 Apakah antara faktor yang dipertimbangkan oleh penulis sebelum memilih sekolah baharunya?  
Beri **dua** jawapan.  
.....  
..... [2]
- 36 Setakat ini apakah pendapat penulis tentang sekolah yang dipilihnya?  
..... [1]
- 37 Sebelum tamat sekolah apakah pula yang dibuat oleh penulis?  
..... [1]
- 38 Mengapakah bapanya tidak memaksa dia untuk menjadi peguam?  
..... [1]
- 39 Apakah yang penulis berharap yang dia boleh lakukan untuk pesakit? Beri **satu** jawapan sahaja.  
..... [1]

[Total: 7]

**BLANK PAGE**

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which itself is a department of the University of Cambridge.